

Kerajaan sedia rumah moden Orang Asli

Oleh **HARADIAN SHAH HAMDAN**
utusanN9@utusan.com.my

■ TELOK KEMANG 31 MEI

KERAJAAN negeri hari ini melancarkan projek perintis bagi perkampungan tersusun Orang Asli yang menyediakan kediaman moden dan sumber pendapatan tetap kepada masyarakat itu di Kampung Palebar Baru, Port Dickson di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, di bawah projek tersebut, sebanyak 56 unit rumah semi-D dan sebuah banglo bernilai lebih RM500,000 setiap satu disediakan untuk penduduk selain terdapat kemudahan tadika, gelanggang futsal, balai raya dan taman rekreasi.

Menurut beliau, setiap isi rumah turut diperuntukkan tanah seluas kira-kira dua hektar yang telah ditanam dengan kelapa sawit dan bakal menjana sumber pendapatan kepada penduduk di perkampungan itu.

“Dalam masa dua hingga tiga

tahun lagi apabila pokok kelapa sawit mengeluarkan hasil, penduduk Orang Asli di sini boleh mendapat pendapatan sehingga RM1,500 sebulan berdasarkan harga komoditi berkenaan iaitu lebih RM500 satu tan pada masa ini. Mereka perlu ada pendapatan sendiri bagi menjamin masa depan mereka.

“Perkampungan tersusun ini merupakan penanda aras kepada dasar kerajaan negeri dalam mensejahterakan rakyat dengan menyediakan kediaman yang selesa,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah di Kampung Palebar Baru di sini semalam.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli, Datuk Hasnan Hassan; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan; Pengerusi Matrix Concepts Holdings Berhad, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin dan Pengarah Urusan syarikat itu, Datuk Lee Tian Hock.

Perkampungan seluas kira-kira empat hektar yang didiami oleh Orang Asli dari suku Temuan itu

dibangunkan oleh syarikat Matrix Concepts dengan setiap rumah mempunyai tiga buah bilik.

Penduduk sebelum ini dipindahkan dari Kampung Gadong Jaya, Labu ke kawasan itu selepas tanah mereka dibangunkan bagi pembinaan kira-kira 2,000 rumah mampu milik.

Dalam pada itu, menurut Mohamad, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap masa depan Orang Asli dan telah mewartakan 29 kampung tradisi masyarakat itu bagi mengelaknya daripada terjejas akibat pembangunan.

“Kita juga akan pastikan semua perkampungan mereka mempunyai kemudahan asas iaitu elektrik dan air. Menjelang hujung tahun ini semua kampung tersebut akan mendapat bekalan elektrik,” ujarnya.

Sementara itu, Hasnan berkata, pihaknya menyambut baik projek perkampungan tersusun yang diperkenalkan di negeri ini dan bercadang memperluaskannya ke kawasan Orang Asli di seluruh negara.



MOHAMAD HASAN (empat dari kiri) dan **Hasnan Hassan** (lima dari kanan) bersama masyarakat Orang Asli semasa majlis Penyerahan Kunci Rumah di Kampung Palebar Baru, Telok Kemang, Negeri Sembilan, kelmarin. - UTUSAN/ASWAD YAHYA